

# Najib sedih nasib pekerja

KUALA LUMPUR

- Bekas Perdana

Menteri, Datuk Seri

Najib Tun Razak me-

luahkan rasa sedih beliau dengan nasib 135 kakitangan Felda Engineering Services Sdn Bhd dan Felda Properties Sdn Bhd.

Melalui satu surat yang tular sejak kelmarin, pekerja di dua syarikat berkenaan dihabarkan akan kehilangan kerja selepas FGV Holdings Bhd membuat keputusan membubarkan dua syarikat itu.

Najib turut berkongsi surat itu dalam laman Facebook beliau.

"Lima hari sebelum Hari Raya Aidilfitri, 130 orang akan kehilangan kerja. Kedua-dua syarikat ini sudah beroperasi 30 tahun di bawah Barisan Nasional (BN) dan selama ini ialah syarikat yang menguntungkan.

"Oleh itu, ramai yang dihentikan telah berkhidmat lebih 10 tahun di sana tetapi kerajaan Pakatan Harapan (PH) berpendapat kedua-dua syarikat ini tidak lagi diperlukan," tulis beliau.

Ahli Parlimen Pekan itu berkata, difahamkan pampasan yang diberikan kepada pekerja yang akan diberhentikan juga tidak adil berbanding syarikat yang lain.

"Itulah nasib rakyat di Malay-

**DUA SYARIKAT  
FGV DIBUBAR**

sia Baharu ini, katanya.

Sementara itu, FGV dalam kenyataan pada Jumaat lalu memaklumkan, kumpulan itu dalam proses membubarkan dua syarikat berkenaan menjelang akhir 2019 sebagai sebahagian daripada program transformasi kumpulan.

FGV berkata, syarikat berkenaan adalah pefniagaan bukan teras yang mana daripada keseluruhan kira-kira 100 syarikat miliknya, hanya 93 syarikat aktif dan beroperasi dengan sebahagiannya tidak menguntungkan atau diurus dengan baik.

"Selaras dengan usaha membubarkan kedua-dua syarikat itu, FGV menawarkan pakej pemberhentian mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan buruh di Malaysia kepada seramai 135 orang pekerja.

"Setiap pekerja yang terjejas akan menerima antara 10 dan 30 gaji bulanan semasa dan ia bergantung kepada tempoh perkhidmatan di FGV," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, sejak pengurusan FGV membuat keputusan membubarkan kedua-dua syarikat tersebut setahun lalu, seramai 23 pekerja daripada Felda Engineering dan Felda Properties diserap ke bahagian lain.